

## AMALAN BERFIKIR DALAM ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN ILMU DAN PENDIDIKAN

Mohd Nasir Ayub, Muhammad Azizan Sabjan & Mohd Marbawi Taha  
Jabatan Falsafah & Tamadun,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
mnasir251@kedah.uitm.edu.my

### Abstrak

Islam adalah agama ilmu dan kemajuan. Umat Islam digalakkan untuk berfikir dan sentiasa mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang hadapi. Tradisi berfikir juga mencetus kepada perkembangan ilmu seterusnya membina sistem pendidikan yang begitu tersusun. Dengan berfikir, umat Islam dapat mendahului zaman dan membina ketamadunan yang tinggi seperti mana yang dilalui semasa zaman kegemilangan tamadun Islam terdahulu. Persoalannya, adakah umat Islam kini mampu berfikir seterusnya mencipta ilmu-ilmu baharu sebagaimana yang dituntut oleh syarak? Kertas kerja ini cuba menghuraikan amalan berfikir dalam Islam dan kaitannya dengan tradisi pendidikan umat Islam. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan analisisnya berdasarkan kerangka analisis tekstual. Kajian ini mendapati amalan berfikir yang digarapkan dalam Islam sebenarnya menepati fitrah semula jadi manusia yang akhirnya akan membawa manusia kepada Allah SWT. Sebaliknya, gaya berfikir yang tidak menepati syarak akan membawa kepada keceluaran tindakan yang memberi kesan buruk kepada keharmonian sosial sejagat.

**Kata kunci:** *amalan, berfikir, islam, ilmu, pendidikan.*

### PENDAHULUAN

Kekuatan sesebuah bangsa bergantung pada sehebat mana budaya ilmu yang dimiliki oleh bangsa tersebut. Umat Islam berdasarkan sejarahnya yang panjang pernah menerajui ketamadunan dunia dan menjadi ikon kepada bangsa yang sezaman dengannya. Amalan berfikir yang mencetuskan aktiviti keilmuan dalam segala bidang kehidupan manusia itu berjaya meletakkan umat Islam pada tempat dan martabatnya yang tersendiri. Oleh sebab, kebangkitan ilmu itu berjalan selari dengan saranan al-Quran dan al-Sunnah, maka ia menepati kehendak agama Islam dan menyumbang kepada kemajuan manusia seluruhnya. Hal ini bertepatan dengan asal penurunan agama Islam itu sendiri sebagai “*rahmatan li al-‘alamin*”, rahmat bagi sekalian alam.

#### Amalan berfikir menurut syarak

Berfikir amat digalakkan dalam Islam. Aktiviti berfikir secara umum atau berfikir secara khusus hendaklah dijadikan agenda harian sehingga terhasilnya budaya ilmu dalam masyarakat. Apakah ciri-ciri yang boleh menunjukkan sesuatu budaya itu budaya ilmu? Menurut Wan Mohd Nor

(1997:34) budaya ilmu ialah kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung mahu pun tidak langsung, dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan. Ia juga merujuk kepada kewujudan satu keadaan yang segala tindakan manusia baik di tahap individu, apatah lagi masyarakat, diputus dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan sama ada melalui pengkajian mahupun syura. Dalam budaya ini, ilmu dianggap sebagai satu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan juga masyarakat di setiap peringkat.

Kegiatan berfikir pada asasnya merupakan penyusunan yang dilakukan secara yang betul oleh akal terhadap perkara-perkara yang sedia diketahui bagi tujuan mencapai sesuatu yang belum diketahui (Mohd Zaidi, 2011). Islam mengajak manusia berfikir dan meneliti segala kejadian sekeliling dari langit, bumi, air dan pada diri manusia sendiri sehingga kepada penghidupan yang lain seperti binatang, tumbuh-tumbuhan serta segala ciptaan Allah SWT yang lain sebagaimana yang disistemkan untuk berkhidmat dan memberi manfaat kepada seluruh manusia (Sohair, 1990:63).

Menurut Syeikh al-Maraghi (1946:67) dalam tafsirnya, bukan sekadar memerhatikan kepada sebab-sebab kejadian akan tetapi meneliti juga kepada pembentuk *asbab* tersebut, bahawa Pencipta semua itu lebih hebat daripada hamba, mempunyai *iradat* yang mutlak dan *kudrat* yang menyeluruh. Manakala menurut Muhammad Abu Zahrah (t.t:3896) semua ini menjadi bukti keterangan bagi kelompok yang mahu berfikir, mengambil faham dan bertadabbur maknanya.

Berfikir dengan akal yang waras akan mewarisi hikmah dan kemanfaatan kepada manusia. Al-Qardawi (1996:13) dalam bukunya *al-‘Aql wa al-‘Ilm fi al-Qur’ān*, merekodkan perkataan (عَلَى قِدْرِ الْمُتَكَبِّرِ) di dalam al-Quran sebanyak 49 tempat ke semuanya dan ianya didatangi dengan *sighah fi'l al-mudari'* (kata kerja yang akan datang) khususnya yang bersambung dengan huruf *waw al-jama‘ah* seperti (تعقّلُونَ). Sebagai contoh, ayat (أَفَلَا تَعْقِلُونَ) disebut di dalam al-Quran sebanyak 14 kali dengan pelbagai maksud dan pengertian. Antaranya ayat 44, surah al-Baqarah, (أَفَلَا تَعْقِلُونَ), Ibn ‘Atiyyah (2001:135-136) menafsirkan bahawa Allah SWT mendatangkan *sighah istifham* dengan makna kehinaan (*al-tawbih*) terhadap kaum al-Ahbar (kelompok Yahudi) yang mengetahui isi Taurat tetapi mereka menyimpang daripada menceritakan tentang sifat-sifat Nabi s.a.w. yang terkandung dalam kitab tersebut. Dapat difahami bahawa berfikir dengan kebenaran dapat menolak kebatilan yang disembunyikan walau dengan apa cara sekali pun sepertimana kisah kaum al-Ahbar tersebut. Al-Qardawi (1996) sekali lagi menyelar mereka yang melaksanakan amalan bertentangan dengan apa yang diketahuinya dan berlawanan dengan apa yang diperintahkan.

Menurut Sidek Baba (2013) Akal merupakan anugerah Allah SWT amat berharga kerana ia membolehkan manusia mengingati dan menghafal. Akal juga menyebabkan pemikiran berkembang dan daya taakulan terjadi. Inilah teras kekuatan Barat pada hari ini. Mereka membudayakan amalan berfikir dengan menelaah, berbincang, melakukan kajian dan menghasilkan karya serta bersikap terbuka kepada perbezaan. Berfikir adalah suatu proses dan apa yang difikirkan itu menjadi sumber maklumat dan sumber ilmu kepada manusia. Amalan

berfikir mestilah berlandaskan kepada wahyu Allah agar ia lebih dekat dengan kebenaran dan kefahaman tentang fitrah kejadian. Oleh itu, amalan berfikir secara Qurani membimbing umat Islam ke arah kebenaran yang hakiki sebagai pedoman terbaik untuk memandu manusia membina peribadi yang fitrah (Sidek Baba, 2009:12-13).

Islam tidak mengetepikan naluri fitrah semula jadi dan keupayaan akal manusia. Oleh kerana itu, Islam amat serasi dengan kehendak fitrah kemanusiaan dan menggalakkan sebarang proses penyuburan akal ke arah kehidupan yang lebih sempurna. Manakala amalan tinggal di biara dan amalan menolak ikatan perkahwinan amat bertentangan dengan fitrah itu sendiri. Maka, Islam menunjuki cara atau peraturan yang terbaik bagi memandu hawa nafsu, naluri atau fitrah tersebut (Sulaiman Noordin, 2009). Percaturan akal dan nafsu memainkan peranan dalam membentuk tingkah laku setiap manusia. Berdasarkan al-Hijjaji (1998:124) manusia ada dua jenis tarikan naluri (غريزة) sama ada naluri syahwat atau pun naluri kepada akal atau ilmu. Manusia akan bersifat malaikat apabila memaksimumkan akal dan ilmu tanpa rangsangan syahwat. Sebaliknya, apabila manusia menggunakan syahwat tanpa merujuk kepada ilmu, maka akan membentuk jiwa syaitan yang sentiasa hanyut dalam kejahanatan.

Allah SWT menganugerahkan akal hanya kepada manusia. Akal berfungsi dalam proses menjana ilmu. Fungsi akal itu dihuraikan oleh Ibn ‘Abd Rabbah al-Andalusi (1985:19) bahawa setiap sesuatu itu bermula daripada akal manusia. Cetusan akal itu akan menimbulkan keraguan (*al-wahm*), kemudian akan membawa kepada ingatan (*dzikran*), kemudian memasuki fasa berfikir (*fikran*). Seterusnya bergerak kepada sifat kemahuan dan keinginan (*iradah*), seterusnya mencapai tahap amalan. Manakala menurut al-Qabisi (1994) dalam menemukan prinsip asas tingkah laku berakhhlak, beliau memulainya dengan meletakkan penanda iman. Untuk mencapai keimanan maka hendaklah didahului dengan *iqrar* (ikrar yang tulus di hati) yang mana digerakkan oleh akal dalam memilih betul atau salah sesuatu perkara. Kemudian *iqrar* itu akan diikuti dengan amalan sebagai bukti penyerahan diri tersebut. Kemudian disusuli dengan *tasdiq* iaitu membenarkan apa yang terpahat dalam hati. Ketiga unsur itu dirumuskan oleh al-Qabisi menepati iman seseorang. Apabila iman terpahat di hati, maka akan lahirlah tingkah laku yang sejajar dengan prinsip-prinsip agama.

Amalan yang terhasil daripada proses berfikir yang sistematik akan dapat mengesan kelemahan sesuatu idea. Ia juga dapat memandu remaja ke arah berfikir dengan saksama, tidak gopoh gapah dalam membuat suatu keputusan dan juga tindakan. Berfikir secara ilmiah dan intelektual boleh dipupuk dan dide dahukan dengan membaca buku-buku atau pun kitab-kitab besar serta mendekati tokoh-tokoh pemikir dalam usaha mencapai kualiti berfikir (Sidek Baba, 2009).

Namun Allah telah pun mengaturkan bahawa kekuatan ilmu dan akal manusia masih lagi di bawah taklukan ilmu dan kudrat Allah SWT. Sehebat mana kekuatan akal dan ilmu yang dimiliki manusia itu, maka ia masih lagi berhajat kepada ilmu Allah untuk menjalankan proses kehidupan seharian. Oleh sebab itu, akal mempunyai batasan keupayaannya tersendiri. Ia tidak memahami alam ghaib dan tidak mampu mencapai alam hakikat. Ia perlu kepada bimbingan Pencipta khususnya hal-hal berkaitan nilai sejagat, keadilan, hukum hakam, akhlak dan ketuhanan

(Sulaiman Noordin, 2009:12). Oleh itu, keterbatasan akal dalam mendapatkan maklumat, data, fakta dan ilmu menjadikan akal perlu dibimbing oleh wahyu dan tidak boleh dibiarkan bergerak sendirian (Sidek Baba, 2009). Berdasarkan situasi ini, Abdul Halim (2000:9) menyebut, manusia dan akal tidak boleh dibiarkan bersendirian menyelesaikan persoalan tersebut. Sekiranya dibiarkan, pasti mereka akan bertelagah kerana masing-masing menyokong pandangan yang bersimpang siur, bercanggah dan penuh krisis yang tiada penghujungnya. Inilah pentingnya wahyu dalam menunjuki perjalanan akal agar ia terus seiring dengan syarak.

Oleh sebab itu, ulama Islam telah membahagikan dan menggariskan jenis-jenis ilmu yang dimiliki oleh manusia, iaitu sama ada yang diusahakan atau pun ilmu yang dianugerahkan (ilmu laduni) oleh Allah kepada sesiapa yang dikehendakinya. Menurut Sa'id (1999:275), wajib berpegang dan mengakui metode tersebut. Manusia awam tidak mengetahui ilmu tersebut kecuali mereka yang ahli dengannya. Pembahagian ini menepati dua firman Allah SWT:

*“Dia lah yang menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab Suci al-Quran. sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat "muhkamat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat muhkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "mutasyabihat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: " kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran ”. (surah Ali Imran: 7)*

Ayat ini dihuraikan oleh Imam al-Zamakhshyari (1999:528) dalam tafsirnya bahawa hamba yang memiliki sifat *al-Rasikhun fi al-'Ilm* bermaksud tetap, utuh, dan mengigitnya dengan gigi pemotong (yakni menggenggamnya dengan erat). Manakala kalimah *ulu al-albab* disifatkan sebagai pujian Allah SWT terhadap *al-Rasikhin* yang telah melontarkan minda dan elok penelitiannya.

Dalam firman Allah SWT yang lain:

Maksudnya: *“Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (al-Quran), dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, khasnya orang-orang yang mendirikan sembahyang, dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar”*. (surah al-Nisa': 162)

Dalam ayat ini pula, al-Kilani (2009:345) menghuraikan maksud *al-rasikhun fi al-'ilm* sebagai *al-rasikh* dalam skop perbincangan tentang makrifat. Iaitu pengkajian yang mendalam tentang subjek tersebut serta dapat memahami perkembangan isu-isu yang berlaku, bermula perkembangannya hingga saat kini. Menurut al-Qardawi 1996:326) *al-rusukh fi al-'ilm* akan menunjuki kepada iman, tidak hairanlah apabila didapati para saintis moden dalam pembuktian kajian mereka mengiktiraf kewujudan Allah serta kebenaran agama. Sekali gus mencantas golongan yang ingin menjadikan ilmu sebagai senjata untuk memerangi agama.

### **Asas ilmu dan kaitannya dengan pendidikan**

Perbahasan tentang ilmu bukanlah suatu yang baharu dalam Islam. Menurut al-Sirjani (2007:5), ia bermula semenjak awal kejadian manusia itu sendiri. Ilmu dikaitkan dengan keupayaan nabi Adam a.s. yang mengetahui segala ilmu dan dilantik sebagai khalifah di bumi berbanding malaikat dan makhluk-makhluk yang lain. Kalimah ilmu (علم) disebut sebanyak 300 kali dalam sahih Bukhari iaitu antara kitab sunnah yang masih ada. Kalimah “*'ilm*” dalam al-Quran pula hampir 779 kali yang bersamaan hampir 7 kali setiap surah (Yahaya Jusoh & zhar Muhammad, 2012:7). Manakala kalimah “*'ilm*” sekiranya dirujuk kepada sunah nabawi sendiri, amat tidak terhitung banyaknya. Manakala di dalam al-Quran terdapat 200 ayat yang khusus menyebut tentang sains. Hal ini sekali gus menjadi mencetus kepada penggalian ilmu secara berterusan (Sidek Baba, 2009). Kalimah “*'ilm*” di dalam nas-nas syarak yang tidak terhitung itu sebenarnya menggambarkan tuntutan ilmu dan keperluannya dalam kehidupan manusia.

Pendidikan Islam merupakan suatu ilmu yang berdiri kukuh merujuk kepada asas-asas agama Islam itu sendiri. Menurut Salik Ahmad Ma'lum (1993:138) pendidikan Islam merupakan amalan berterusan yang bermatlamatkan untuk mendidik individu dan membentuknya dengan adab-adab Islam. Ini bermaksud, ilmu merupakan suatu yang mulia dan menuntutnya pula hendaklah dengan penuh adab dan sopan. Dalam hal ini, Syeikh Nuruddin al-Banjari<sup>42</sup> yang

---

<sup>42</sup> Beliau digelar *khadam* bagi penuntut-penuntut ilmu kerana kesungguhannya menerangkan ilmu kepada murid-murid beliau khususnya mahasiswa yang belajar di Universiti Al-Azhar, Mesir sama ada dari Malaysia, Indonesia, Thailand ataupun Singapura. Oleh sebab itu, majlis pengajian ilmu beliau dinamakan sebagai *al-Azhariyyah al-Thaniyah* (kelompok Azhari kedua selepas menuntut di universiti al-Azhar). Kini beliau merupakan pendakwah tersohor di Malaysia dan Indonesia. Beliau juga banyak menulis, mengajar dan juga mentahqiq kitab-kitab besar ulama silam seperti imam al-Ajiri, imam al-Nawawi, imam Abu Bakr al-Baghdadi dan sebagainya berkaitan dengan kemuliaan ilmu, keutamaan menuntut ilmu, adab belajar, tatacara mendidik dan sebagainya. Antara kitab-kitab yang sempat penyelidik hadir semasa majlis pengajian ilmu Syeikh Nuruddin al-Banjari semasa di Mesir seperti kitab *Akhlaq al-Ulama'* oleh Imam Abi Bakr Muhammad bin al-Husayn bin 'Abd Allah al-Ajiri, *takhrij wa ta'liq*, Sufyan Nur Marbu Banjari al-Makki, *raji'u huwa qaddama lahu*. Muhammad Nur al-Din Marbu Banjari al-Makki, Kaherah: Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh fi al-Din, cet. 2, 1998 ; kitab *Bustan al-'Arifin* oleh Imam Abu Zakariya Muhy al-Din bin Syarf al-Nawawi (632-672H.), *taqdim wa ta'liq*. Muhammad Nur al-Din Marbu Banjari al-Makki, Kaherah: T.P, cet. 1, 1995 ; Kitab *Tahrir al-Maqal fi Adab wa ahkam wa fawaid yahtaj ilayha Mu'adibus al-Atfal* oleh 'Allamah al-Faqih Imam Syihab al-Din Ahmad bin Muhammad bin Hibr al-Haithami al-Makkiy (909-973H.), *taqdim wa ta'liq*. Muhammad Nur

merupakan ulama tersohor di Nusantara amat menekankan adab-adab dalam menuntut ilmu dalam kuliah pengajiannya. Beliau menyatakan proses pembelajaran ilmu hendaklah disertai dengan tatacara dan adab-adab yang tersendiri. Ia tidak sama dengan adab-adab yang dilakukan dalam melaksanakan tugas-tugas lain. Dengan itu, akan dibukalah oleh Allah pintu-pintu cahaya makrifat, limpahan kurniaan, pancaran hikmah dan pemuliharaannya. Apabila hamba itu tidak mengikuti adab-adab tersebut, maka akan berdepan dengan kegagalan dan maksudnya (matlamatnya) tidak tercapai. Tambah beliau “sesiapa yang salah mengambil jalan itu, maka ia tidak dapat mendapat apa yang dimaksudkan” (Muhammad Nuruddin, 2009:54).

Kemuliaan manusia juga berhubung kait dengan ketinggian ilmu yang dimilikinya. Para ulama salaf memiliki kemuliaan ini disebabkan penghormatan dan penghargaan yang cukup tinggi terhadap ilmu. Hal ini dibuktikan oleh Abu Hurairah dengan katanya, “*Sesungguhnya aku mengetahui satu bab daripada ilmu tentang perintah dan larangan Allah adalah lebih aku sukai daripada aku berperang 70 kali di jalan Allah*” (Muhammad Nuruddin, 2009). Imam al-Zarnuji (2005:9) dalam kitabnya yang terkenal *Ta'lim al-Muta'allim* menyebutkan bahawa sesiapa yang tidak membesar dan mengagungkan ilmu maka bukanlah ia dari ahlinya. Sesungguhnya kesedapan ilmu dan keupayaan mengetahui martabat ilmunya hanyalah bagi mereka yang membesarkan ilmu.

Namun, aspek pengisian ilmu sahaja tidak dapat mencapai maksud pentarbiahan manusia yang sebenarnya. Oleh itu, selain aspek pengisian ilmu, ia memerlukan kepada proses pengisian jiwa dan mujahadah, nasihat, peringatan, *targhib* dan *tarhib* serta usul pendidikan yang pelbagai (Khalid, 2000). Aspek kemantapan ilmu dan aspek latihan berterusan hendaklah ada dalam diri seorang Muslim agar menyerlah keintelaktuan sebenar dan menampakkan keikhlasan seorang ulama yang bekerja untuk Islam. Hal ini bertepatan dengan *manhaj* al-Quran. Proses pengajaran akan sampai ke tahap kefahaman yang mantap dan jitu sebaik sahaja setiap ilmu yang diperoleh melaluinya dilaksanakan dalam bentuk amalan (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010). Oleh sebab itu, proses pembelajaran berkait rapat dengan ilmu dan amal, dan ia adalah punca kepada kebahagiaan. Dalam hal ini, Franz Rosenthal (1997:277) dan al-Za'bi (2000:237) telah merekodkan saranan al-Ghazali dalam *Mizan al-'Amal* yang menyebut, untuk mencapai matlamat tertinggi (*ghayah Qaswa*) iaitu *al-sa'adah* hendaklah dicapai dengan ilmu dan amal, kedua-duanya saling memerlukan, tidak berlaku perselisihan keduanya, bahkan saling menyempurnakan.

Bukan itu sahaja, perjalanan sistem pendidikan yang sedia ada juga perlu diambil kira. Ghazali Basri (2001) menyebut, apabila sistem pendidikan umat Islam rosak, maka akan berlakulah gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, HIV, anak luar nikah, penderaan dan berbagai-bagai lagi bentuk tindakan yang melampaui norma kemanusiaan. Permasalahan ini memerlukan kepada penerimaan ilmu yang bersumberkan panduan Ilahi sebagai teras kepada sistem

al-Din Marbu Banjari al-Makki, Kaherah: Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh fi al-Din, 1997 dan kitab *Iqtida' al-'Ilm al-'Amal* oleh al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (392-463H.), ta'liq wa tashih. Sufyan Marbu Banjari, qaddama lahu wa raji'uhu. Muhammad Nur al-Din Marbu Banjari al-Makki, Kaherah: Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh fi al-Din, 1996.

pendidikan Islam. Dengan maksud, menjadikan unsur hidayah sebagai ilmu yang membawa manusia kepada kebenaran hakiki. Untuk itu, Sayyid Abu al-Hasan 'Ali al-Nadawi (1969:8) mengajak umat Islam untuk menjadikan pendidikan sebagai satu agenda besar ummah yang perlu diperjuangkan berlandaskan asas-asas yang kukuh, yang menuntut kepada pembentukan manhaj pendidikan yang khusus. Agenda yang sudah tidak ada lagi dalam negara umat Islam kini apatah lagi di negara-negara Barat. Justeru itu, pendidikan bukanlah sekadar mempelajari ilmu dan sastera, bukan berkaitan dengan penggunaan bahasa kebangsaan atau bahasa asing, berkaitan adab masyarakat setempat atau etika bangsa Eropah. Ia juga bukan hanya mencukupi dengan menterjemahkan buku-buku luar, menjemput guru-guru asing untuk mengajar di kolej-kolej dan universiti, penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri seperti Amerika dan Eropah dan sebagainya lagi. Namun lebih jauh dari itu, ia memerlukan kepada pembentukan generasi baru yang diisi dengan akhlak yang teristimewa. Bahkan hal ini dibangkitkan oleh Zaini Ujang (2012:21-22) dalam mengatur beberapa pengukuhan institusinya. Beliau menyatakan bahawa hakikat ketinggian universiti itu bukan terletak pada kedudukan dalam *ranking* universiti dunia, biar apa pun nama, penganjur, dan kaedahnya. Namun bergantung kepada sejauh mana budaya ilmu dipegang. Oleh itu, kecemerlangan akademik di sebuah universiti tidak akan tercapai jika tidak diasaskan kepada pembinaan budaya ilmu yang bersepada, jitu dan kudus.

## PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, umat Islam hendaklah menjadikan amalan berfikir sebagai menu harian. Berfikir dalam sekecil-kecil perkara sehingga kepada sebesar-besarnya perkara akan menjana natijah yang baik dan keputusan yang meraikan kebolehan semua orang. Amalan yang berterusan ini akan melahirkan budaya berfikir dalam masyarakat yang sudah pasti akan merancakkan lagi aktiviti kebaikan. Namun perlu diingat, bahawa agama mestilah menjadi petunjuk dan hidayah kepada proses tersebut agar ia tidak melenceng dari matlamat asal untuk mencari reda Allah SWT dalam setiap tindakan. Umat Islam juga disarankan agar meneladani pengalaman bangkit jatuhnya sebuah tamadun di dunia khususnya tamadun Islam. Ini kerana, tamadun Islam amat sinonim dengan umat Islam, manakala metodenya yang tertegak berdasarkan kesinambungan asas agama dan kekuatan akal.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim" dalam *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1). 2010.
- Abdul Halim Mahmud, Islam dan Akal, terj. Mohd Fakhrudin Abd Mukti, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Abdullah al-Amin al-Nu'miy, *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun Dan al-Qabisi*, terj. Mohd. Ramzi Omar, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

- Abu Muhammad bin ‘Abd al-Haq bin Ghalib bin ‘Atiyyah al-Andalusi, *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Qur'an al-'Aziz*, tahqiq. ‘Abd al-Salam ‘Abd al-Syafi Muhammad, juz. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- Ahmad bin Muhammad bin ‘Abd Rabbah al-Andalusi, *Ta'dib al-Nasyi'in bi adab al-Dunya wa al-Din*, tahqiq. Muhammad Ibrahim Salim, Kaherah: Maktabah al-Qur'an, 1985.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi*, Kaherah: Syarikah wa Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu bi Misr, juz. 13, 1946.
- Al-Qardawi, *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an*, 1996, h. 13.
- Al-Sayyid Abu al-Hassan ‘Ali al-Nadawi, *Nahwu al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-Hurrah fi al-Hukumat wa al-Bilad al-Islamiyyah*, Lucknow: Dar al-Irsyad, 1969.
- Anwar al-Za'bī, *Mas'alah al-Ma'rifah wa Manhaj al-Bahthi 'Ind al-Ghazali*, ‘Amman: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami wa Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Tawzi‘ wa al-Nasyr Damsyiq, 2000.
- Burhan al-Din al-Zarnuji, *Pelita Penuntut Terjemahan dari Risalah Ta'līm al-Mut'llim fi Tariq al-Ta'līm*, terj. Muhammad Syafi'i bin Abdullah bin Muhammad bin Ahmad Rangkul Langgih Fathani, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher, 2005.
- Franz Rosenthal, *Keagungan Ilmu*, terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Ghazali Basri, “Sistem Pendidikan Islam: Satu Keperluan”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, jil. 9, bil. 3, Jun 2001, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam, 2001, h. i.
- Hassan bin ‘Ali bin Hassan al-Hijjaji, *al-Fikr al-Tarbawi 'Ind Ibn al-Qayyim*, Jeddah: Dar Hafiz li al-Nasyri wa al-Tauzi‘, 1998.
- Jar Allah Abi al-Qasim Muhammad bin ‘Umar al-Zamakhsyari, *al-Kasyyaf Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, tahqiq. Syeikh ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud wa Syeikh ‘Ali Muhammad al-Mu‘awwad, Riyad: Maktabah al-‘Abikan, 1999.
- Khalid bin Hamid al-Hazami, *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah: Dar ‘Alam al-Kutub, 2000.
- Majid 'Arsan al-Kilani, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Dirasah Muqaranah bi al-Falsafat al-Tarbiyyah al-Mu'asarah*, Oman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nasyr, 2009.
- Mohd Zaidi Ismail, *Kreativiti Dan imaginasi Dalam Psikilogi Islami Pengamatan al-Ghazali, al-Baghdadi Dan al-Razi*, Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), 2011.
- Muhammad Abu Zahrah, *Zahrah al-Tafasir*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, t.t., juz. 8, h. 3896.
- Muhammad Nuruddin al-Makki al-Banjari, *Martabat Ilmu Dan Ulama Serta Adab-Adab Menuntutnya*, terj. Fathan al-Hasyiri al-Manduri, cet. 3, Alor Setar: Pustaka Darus Salam, 2009.
- Raghib al-Sirjani, *al-'Ilm wa Bina' al-Umam Dirasah Ta'siliyyah li Dawr al-'Ilm fi Bina' al-Dawlah*, Kaherah: Muassasah Iqra', 2007.
- Said Isma'il ‘Ali, *Nazarat fi al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Wahbah, 1999.
- Salik Ahmad Ma'lum, *al-Fikr al-Tarbawi 'Ind Khatib al-Bahgjadi*, cet. 2, Damanhur: Maktabah Layyinah li al-Nasyr wa al-Tawzi‘, 1993.
- Sidek Baba, “Pengurusan Pendidikan Islami” dalam *Majalah Solusi*, Isu 56, Jun 2013.
- \_\_\_\_\_, Baba, *Fikir Dan Zikir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

- Sohair Abdul Moneim Sery, *Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1990.
- Sulaiman Noordin, *Sejarah Pemikiran 2*, Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad, *Falsafah Ilmu Dalam al-Quran Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2012.
- Yusuf al-Qardawi, *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an*, Kaherah: Maktabah al-Wahbah, 1996.
- \_\_\_\_\_, *al-'Iman wa al-Hayah*, cet. 10, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- Zaini Ujang, *Akademia Baru Memartabatkan UTM berjenama Global 2012-2020*, Skudai: UTM, 2012